

**TAMU DAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI
MASYARAKAT LUAR BANDAR DI TAMU BATU
10, KOTA BELUD, SABAH.**



FLASTILAH BINTI KURPONG

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**TAMU DAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI
MASYARAKAT LUAR BANDAR DI TAMU BATU
10, KOTA BELUD, SABAH.**

FLASTILAH BINTI KURPONG



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS


JUDUL : **TAMU DAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT
LUAR BANDAR DI TAMU BATU 10, KOTA BELUD, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **GEOGRAFI**

Saya **FLASTILAH BINTI KURPONG**, Sesi **2014-2020**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



SULIT


TERHAD

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,

 ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

FLASTILAH BINTI KURPONG
MA1411062T



(Dr. Ubong Imang)
Penyelia

Tarikh : 30 November 2020

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 November 2020

Flastilah Binti Kurpong
MA1411062T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : FLASTILAH BINTI KURPONG

NO. MATRIK : MA1411062T

**TAJUK : TAMU DAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI
MASYARAKAT LUAR BANDAR DI TAMU BATU 10,
KOTA BELUD, SABAH.**

IJAZAH : SARJANA SASTERA (GEOGRAFI)


TARIKH VIVA : 25 JUN 2020



DISAHKAN OLEH:

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan



PENGHARGAAN

Syukur kepada hadirat Tuhan kerana penyertaannya, maka tesis penyelidikan sarjana ini dapat disiapkan dengan jayanya. Tesis ini adalah usaha dan kerjasama mereka yang banyak membantu saya dalam menyempurnakan tesis penyelidikan ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Ubong Imang selaku penyelia saya yang banyak meluangkan masa memberi bimbingan, tunjuk ajar dan panduan yang sangat bermakna dalam menyempurnakan penyelidikan ini. Saya sangat menghargai kesabaran Dr. Ubong Imang yang sentiasa bersedia untuk berkongsi maklumat yang akhirnya membantu saya menyempurnakan tesis ini. Semoga Tuhan memberkati segala jasa baik dan dedikasi yang diberikan kepada saya.

Saya turut merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Sabah dan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan yang memberikan saya peluang bagi mengikuti pengajian ini. Selain itu juga, ribuan terima kasih kepada semua pensyarah Geografi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian penyelidikan ini. Terima kasih atas kesudian memberikan pandangan dan saranan bagi memurnikan penyelidikan ini. Segala kerjasama yang diberikan amat saya hargai.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya ibu bapa saya, Kurpong @ Zainal Gunting dan ibu saya Kimuah Botindal yang telah banyak memberikan sokongan doa, kewangan dan juga pendapat bagi menjayakan penyelidikan ini. Tidak lupa kepada rakan seperjuangan saya iaitu Hamisah Junson, Syvero Patrik, Sairil Janioh, Logeswaran Tangavello, Mohamad Aniq Nazuan Naim Bin Nazuan dan Ezralina Mounngin yang memberikan sokongan moral, semangat, serta terlibat secara langsung dalam mengambil data soal selidik di lapangan kajian. Semangat setia kawan anda sangat saya hargai dan tidak akan lupakan.

Saya juga sangat menghargai dan berterima kasih kepada para responden saya iaitu semua pihak Majlis Daerah Kota Belud, Sabah, Ketua Kampung Kg. Taginambur, para peniaga yang memberikan kerjasama sepanjang saya menjalankan kajian di lokasi kajian. Akhir kata, jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Jasa kalian amat dihargai dan hanya Tuhan yang mampu membalasnya.

Flastilah Binti Kurpong

25 Jun 2020

ABSTRAK

Tamu telah wujud di Sabah sebelum kedatangan penjajah. Malah, tamu luar bandar di Sabah wujud sebelum wujudnya kedai dan pasaraya mega yang ada pada hari ini. Ketika itu, tamu adalah tempat pertemuan penting bagi masyarakat tempatan untuk mendapatkan barangan keperluan harian mereka. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti apakah peranan tamu luar bandar di Batu 10, Kota Belud, Sabah. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan mengedarkan set borang soal selidik sebanyak 80 responden yang terdiri daripada golongan peniaga di tamu Batu 10, Kota Belud, Sabah. Pemilihan responden dilakukan secara rawak kepada para peniaga. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif bagi mengolah data statistik seperti min, frekuensi, dan tabulasi melalui perisian SPSS. Hasil analisis turut disokong dengan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian dan temubual dengan informan utama. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tamu Batu 10 berperanan penting dalam pembangunan luar bandar dalam tiga aspek iaitu ekonomi, sosial dan kelestarian persekitaran. Dalam aspek ekonomi, tamu berperanan sebagai pusat pemasaran produk yang majoritinya terdiri daripada golongan petani yang mengusahakan tanaman sendiri, mewujudkan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan, peluang perniagaan sehingga merentas ruang, serta mewujudkan perkhidmatan pengangkutan. Dalam aspek sosial pula, perniagaan di tamu mampu meningkatkan taraf hidup responden, pembangunan kemudahan, pembangunan insan, serta tarikan pelancong ke luar bandar. Malah, tamu turut berperanan penting sebagai kemudahan untuk menjalankan aktiviti sosial setiap tahun seperti perayaan Kaamatan atau dikenali sebagai pesta Badi. Tamu secara tidak langsung memupuk semangat kemasyarakatan dan keharmonian antara kaum selaras dengan visi negara yang mementingkan perpaduan antara kaum. Sementara dalam aspek kelestarian pula, tamu mampu menggalakkan kelestarian alam melalui kesedaran peniaga untuk menjaga alam sekitar serta menjamin kelestarian persekitaran budaya. Berdasarkan peranan tamu yang dikenalpasti, langkah untuk mengukuhkan peranan tamu telah dicadangkan dalam kajian ini.

ABSTRACT

TAMU AND SOCIOECONOMIC DEVELOPMENT OF RURAL COMMUNITIES IN TAMU BATU 10, KOTA BELUD, SABAH

Tamu has known by the local peoples have been existed in Sabah long before the war and invaders arrived. At that time, tamu were an important meeting place for local people to get their daily necessities. Hence, this study aims to identify the role of a rural tamu located in Batu 10, Kota Belud, Sabah. Quantitative approach is used by distributing a set of questionnaires to 80 random respondents which comprising retailers and vendors operating around the area of Batu 10. After all data obtained from the questionnaires; descriptive analysis techniques such as min, frequency, and crosstabs were used and analysed in SPSS software. The results of the analysis is also supported by qualitative approaches through observation and interviews with key informants. The findings show that the Batu 10 tamu plays an important role toward the local rural development in three main aspects; economic, social and environmental sustainability. In terms of economy sustainability, tamu itself play a role as a marketing center of mainly local products by farmers who cultivate their own crops, establishing new jobs and income sources toward locals, providing vast business opportunities location, and create transport services. In the social aspect, business in the community is able to improve the living standards of local retailers, traders and vendor. In addition, tamu also triggers the development of facilities, community development, as well as become the attraction of tourists to the countryside. In fact, tamu also play an important role in facilitating yearly cultural celebration during Pesta Kaamatan which also known as the Pesta Badi. Tamu unconsciously inject a sense of community and racial harmony to achieve our nation's vision to encourage racial unity. Sustainability wise, tamu are able to promote the preservation of nature through the consciousness of local vendors and farmers to preserve and manage their environment as well as to sustain local culture. Recommendations to enhance tamu's functions were proposed based on functions identified in this research.

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI FOTO	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	6
1.3.1 Tujuan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Carta Alir	8
1.6 Limitasi Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.7 Rumusan Bab	12
BAB 2: TAMU DAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT LUAR BANDAR	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Konsep Asas Kajian	12
2.2.1 Tamu	12
2.2.2 Pembangunan Sosioekonomi Luar Bandar	13
2.3 Perniagaan di Kawasan Luar Bandar	17
2.4 Peranan Aktiviti Perniagaan kepada Masyarakat Luar Bandar	20
2.4.1 Menyediakan Sumber Pendapatan kepada Masyarakat Luar Bandar	20
2.4.2 Menyediakan Peluang Pekerjaan kepada	20

	Masyarakat Luar Bandar	
2.4.3	Menyumbang kepada Cukai Tempatan	22
2.4.4	Memenuhi Keperluan Harian Masyarakat Luar Bandar	23
2.4.5	Meningkatkan Akses Kemudahan dan Infranstruktur	26
2.4.6	Tempat Interaksi Sosial dan Penyatuan Masyarakat	27
2.4.7	Lokasi Tarikan Pelancongan Luar Bandar	29
2.5	Langkah Memantapkan Peranan Aktiviti Perniagaan di Luar Bandar	31
2.6	Latar Belakang Teori Pembangunan Kawasan Luar Bandar	33
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	34
2.8	Rumusan Bab	38
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pengenalan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Latar Belakang dan Lokasi Kajian	40
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	44
	3.4.1 Pengumpulan Data Primer	44
	3.4.1.1 Kaedah Tinjauan	44
	i) Pembinaan Borang Soal Selidik dan Instrumen Kajian	44
	ii) Data Borang Soal Selidik	46
	iii) Sampel Kajian	47
	iv) Kajian Rintis	49
	3.4.1.2 Pemerhatian	51
	3.4.1.3 Temu Bual Separa Berstruktur	52
	3.4.2 Data Sekunder	55
3.5	Teknik Analisis Data	56
	3.5.1 Teknik Analisis Refleksi	57
3.7	Rumusan Bab	58

BAB 4: PERANAN TAMU KEPADA PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI MASYARAKAT LUAR BANDAR

4.1	Pengenalan	59
4.2	Pembangunan Tamu Batu 10	59
4.2.1	Asal-usul Tamu Batu 10	59
4.2.2	Fasa Pembangunan Tamu Batu 10	61
4.2.3	Fasa Pembangunan Semasa Tamu Batu 10	66
4.3	Latar Belakang Responden	72
4.4	Jenis Aktiviti yang Pernah Diikuti oleh Responden, Sumber dan Modal serta Kemudahan Responden	78
4.4.1	Jenis Aktiviti Berkaitan dengan Perniagaan yang Pernah Diikuti oleh Responden.	78
4.4.2	Sumber dan Modal Permulaan Perniagaan Responden	80
4.4.3	Kemudahan yang Digunakan oleh Responden dalam Perniagaan	82
4.5	Aktiviti Tamu Batu 10	84
4.5.1	Menjalankan Aktiviti Perniagaan	84
4.5.2	Tapak Sambutan Pesta Badi	85
4.6	Peranan Tamu Batu 10 Pembangunan Sosioekonomi Luar Bandar.	86
4.6.1	Tamu sebagai Pusat Pemasaran Produk	87
4.6.2	Tamu sebagai Sumber Pendapatan dan Peluang Pekerjaan	91
4.6.3	Meluaskan Jaringan Tempahan dan Sumber Asal Produk Jualan sehingga Merentas Ruang	99
4.6.4	Mengalakkan dan Melebarkan Rantaian Ekonomi	105
	i) Peluang Pekerjaan Masyarakat Luar Bandar	105
	ii) Perkhidmatan Pengangkutan	107
4.6.5	Pusat Pertukaran Produk	110
4.6.6	Meningkatkan Taraf Hidup Masyarakat Luar Bandar	112

4.6.7	Tamu sebagai Pusat Pertemuan Mingguan	115
4.6.8	Meningkatkan dan Membangunkan Kemudahan di Sekitar Kawasan Baru	119
4.6.9	Kemudahan kepada Aktiviti Sosial Masyarakat	121
4.6.10	Meningkatkan Pembangunan Insan Masyarakat Luar Bandar	122
4.6.11	Tamu sebagai Faktor Tarikan Pelancong	124
4.6.12	Mengekalkan Kelestarian Alam dan Budaya Masyarakat Luar Bandar	128
4.7	Cadangan Langkah dan Strategi Pemantapan Peranan Aktiviti Tamu di Sabah	132
4.7.1	Mengintegrasikan Peranan dan Sumbangan Pihak Kerajaan dan NGO yang Menjadi Institusi Sokongan Terhadap Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Luar Bandar.	132
4.7.2	Meningkatkan Kualiti dan Kesegaran Produk Jualan dengan Harga yang Berpatutan	134
4.7.3	Menganjur dan Mempromosikan Tamu melalui Karnival dan Kempen Tamu Luar Bandar Secara Sistematik, Berterusan dan Bersepadu.	135
4.7.4	Mengaplikasikan Kecanggihan Media dan Teknologi untuk Mempromosikan dan Menyelaras Jualan Produk di Tamu sebagai Tarikan Pelancongan.	136
4.7.5	Menawarkan Pengalaman Membeli belah di Tamu dengan Keadaan yang Bersih, Selesa, Selamat dan Ceria.	137
4.8	Rumusan dan Perbincangan Hasil Kajian	141
4.8.1	Latar Belakang dan Perkembangan Tamu Batu 10, Kota Belud, Sabah.	141
4.8.2	Ciri Tamu di Tamu Batu 10, Kota Belud, Sabah	142
4.8.3	Peranan Tamu dalam Aspek Ekonomi	143
4.8.4	Peranan Tamu dalam Aspek Sosial	145
4.8.5	Peranan Tamu dalam Aspek Kelestarian	146


4.8.6	Langkah Memantapkan Peranan Tamu di Sabah	147
4.5.7	Hubungan antara Hasil Kajian dan Kerangka Konseptual Pembangunan Luar Bandar.	148
4.7	Rumusan Bab	150
BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	152
5.2	Rumusan Penemuan Kajian	152
5.2.1	Perkembangan dan Aktiviti di Tamu Batu 10	153
5.2.2	Peranan Tamu Batu 10 kepada Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Luar Bandar	154
5.2.3	Strategi dan Langkah Pemantapan Tamu Batu 10	156
5.3	Implikasi Dasar	158
5.4	Sumbangan Kajian	160
5.5	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	161
5.6	Rumusan Bab	162
RUJUKAN		164
LAMPIRAN		170



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	Fokus Utama dalam Pembinaan Borang Soal Selidik	45
Jadual 3.2	Senarai Informan Utama	53
Jadual 4.1	Jumlah Bilangan Jantina Responden	73
Jadual 4.2	Jumlah Modal Permulaan dan Status Perniagaan Responden	81
Jadual 4.3	Kategori Produk Jualan di Tamu Batu 10, Kota Belud, Sabah.	85
Jadual 4.4	Jenis Produk dan Tukaran Produk Peniaha dengan Peniaga Lain	111




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Carta Alir Kajian	8
Rajah 2.1	Rantaian bekalan Sayur dan Buah-buahan	22
Rajah 2.2	Model Baru Pembangunan Kawasan Luar Bandar	33
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual Pembangunan Luar Bandar di Tamu Batu 10, Kota Belud, Sabah.	36
Rajah 3.1	Peta Kedudukan Tamu Batu, Kota Belud, Sabah	43
Rajah 4.1	Kedudukan Tapak Tamu Batu 10	64
Rajah 4.2	Pelan Lakaran Kedudukan Geografi Budaya Tamu Batu 10	67
Rajah 4.3	Jumlah Etnik dan Agama Responden	74
Rajah 4.4	Status Perkahwinan Responden	75
Rajah 4.5	Tahap Pendidikan Responden	76
Rajah 4.6	Jumlah Responden Mengikut Jarak Kediaman Responden	77
Rajah 4.7	Program yang diikuti oleh Responden bagi Menghasilkan Produk Jualan	79
Rajah 4.8	Kemudahan yang Digunakan Bagi Memasarkan Produk	83
Rajah 4.9	Jumlah Peratus Jenis Jualan Produk Responden	88
Rajah 4.10	Pekerjaan dan Jumlah Pendapatan Sampingan Bulanan Peniaga	91
Rajah 4.11	Peratus Hasil Pendapatan Responden daripada Jumlah Isi Rumah.	96
Rajah 4.12	Sejarah Penglibatan Ahli Keluarga Responden dalam Perniagaan di Tamu Batu 10	97
Rajah 4.13	Pergerakan Tempahan Produk Peniaga	100
Rajah 4.14	Pergerakan Sumber Asal Produk Peniaga di Tamu Batu 10, Kota Belud, Sabah	103
Rajah 4.15	Jenis Pengangkutan Responden ke Tamu Batu 10	108
Rajah 4.16	Perubahan Komponen Taraf Hidup Sebelum dan Selepas Penglibtaan Responden dalam Perniagaan di Tamu Batu 10	112
Rajah 4.17	Aktiviti dan Manfaat Aktiviti kepada Responden Tamu Batu 10	116
Rajah 4.18	Jumlah Responden yang Boleh Bertutur dalam Bahasa Peniaga Kaum Lain	123
Rajah 4.19	Statistik Asal Pelancong yang Datang ke Tamu Batu 10	126
Rajah 4.20	Pengurusan Sisa Pepejal Peniaga	131
Rajah 4.21	Peratus % Masalah di Tamu Batu 10, Kota Belud, Sabah	137

SENARAI FOTO


Foto 4.1	Peniaga Berniaga di Lantai Tanah.	69
Foto 4.2	Peniaga Kraftangan yang menjual Pelbagai Produk Lain.	90



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN


DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DPN	-	Dasar Pertanian Negara
FAMA	-	Federal Agricultural Marketing Authority Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
JKK	-	Jawatan Kuasa Kampung
JPS	-	Jabatan Pengairan dan Saliran
KATA	-	Persatuan Pelancongan Kadamaian
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
KK	-	Ketua Kampung
KKLW	-	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
MDKB	-	Majlis Daerah Kota Belud
NGO	-	Badan Bukan Kerajaan
PACOS Trust	-	Partners of Community Organization in Sabah
RMKe-10	-	Rancangan Malaysia Ke-10
SIB	-	Sidang Injil Borneo
STB	-	<i>Sabah Tourist Board</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TTS	-	Taman-taman Sabah
UMS	-	<i>Universiti Malaysia Sabah</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	:	Borang Soal Selidik	170
Lampiran B	:	Borang Soal Selidik (Draf)	179
Lampiran C	:	Soalan Temubual dengan Informan Utama	184
Lampiran D	:	Foto Kawasan Kajian	190



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perniagaan dan pertanian merupakan aktiviti yang saling berkaitan dan dilihat memainkan peranan penting dalam mengurangkan kemiskinan di negara miskin dan negara yang belum mencapai pertumbuhan pertanian yang ketara (Kaaria, 2004). Menurut Kaaria (2004), pertumbuhan pertanian boleh menggalakkan penurunan kadar kemiskinan melalui peningkatan produktiviti dan pendapatan hasil pertanian serta menyebabkan harga bekalan makanan menjadi lebih murah dan berpatutan bagi masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar dan menjamin bekalan pertanian yang mencukupi.

Sektor pertanian dalam kalangan petani luar bandar di Malaysia sering mendapat perhatian dalam pembentukan pelbagai agenda pembangunan negara seperti pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1971-1990), Dasar Perpaduan Negara (DPN) (1991-1999) sehingga Dasar Wawasan Negara (DWN) (2000-2010) (Nor Diana *et. al.*, 2013). Hal demikian kerana sektor pertanian memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial dan ekonomi Malaysia. Pertanian merupakan sektor keempat terpenting selepas sektor perkhidmatan, perindustrian, dan sektor perlombongan dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara (Malaysia, 2010). Walau bagaimanapun, sektor ini sering dikaitkan dengan masalah kemiskinan terutama di kawasan luar bandar yang bergantung kepada pertanian sebagai sumber pendapatan dan kelangsungan hidup (Nor Diana *et. al.*, 2013).

Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan aktiviti pertanian semakin berkembang. Ketika kemerdekaan negeri Sabah pada tahun 1963, Sabah telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam pelbagai sektor seperti pertanian ladang, perusahaan pembalakan, perniagaan, perdagangan, dan perkhidmatan khususnya di kawasan bandar di Sabah (Juhirin, 1988). Namun

begitu, perkembangan ekonomi di negeri Sabah mengalami pelbagai masalah seperti ketidakseimbangan kawasan, sektor dan kaum khususnya di kawasan luar bandar Sabah (Hassan, 2007). Justeru itu, DEB diperkenalkan pada tahun 1971 untuk menangani ketidakseimbangan ekonomi yang ketara pada ketika itu.

Semasa peringkat penggubalan DEB, kerajaan telah mengenalpasti bahawa faktor ketiadaan sumber dana dan pendedahan kemahiran kepada masyarakat serta peluang untuk menguruskan perniagaan sendiri menyebabkan bilangan usahawan kaum bumiputera amat rendah berbanding dengan kaum minoriti lain di Malaysia (Hassan, 2007). Berdasarkan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) (2010), pada tahun 1970 kajian mendapati bahawa 49.3% daripada penduduk Malaysia hidup di bawah garis kemiskinan dengan 64.8% adalah masyarakat Bumiputera, 39.2% masyarakat India dan 26.0% masyarakat Cina. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti masyarakat ini tinggal di kawasan luar bandar. Menurut Hassan (2007), kajian ini mendorong kerajaan Malaysia untuk mewujudkan peluang perniagaan berasaskan pertanian, penternakan dan perikanan khususnya di luar bandar.

Salah satu peluang perniagaan yang berasaskan pertanian, penternakan dan perikanan di Malaysia adalah pasar tani. Pasar tani mempunyai pelbagai jenis namun mempunyai tujuan yang sama iaitu menjadi tempat bagi petani dan peniaga untuk memasarkan hasil pertanian, penternakan dan perikanan secara terus tanpa orang tengah (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), 2006). Dalam erti kata lain, pasar tani merupakan medan pertemuan untuk pengeluar dan pengguna yang telah menjadi institusi pemasaran utama di negara ini. Konsep pasar tani yang bercirikan mudah alih dan bersuasana karnival dengan identiti tersendiri telah dilancarkan pada 31 Januari 1985 di Johor Bharu (FAMA, 2006). Pasar tani yang telah diwujudkan terdiri daripada pasar tani mega, pasar tani desaraya, pasar tani borong, pasar tani kekal, pasar tani bunga, bazar, pasar malam dan pasar basah. Penubuhan pasar tani ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai petani yang bersikap responsif serta mempercepatkan proses pembangunan sosioekonomi masyarakat iaitu selaras dengan Dasar Perpaduan Negara (DPN) (FAMA, 2006).

Berbeza dengan negeri Sabah yang menjadikan kawasan tanah lapang sebagai tempat pertemuan pengeluar dan pengguna yang menyerupai pasar tani tetapi dikenali sebagai tamu yang wujud sejak 100 tahun yang lalu (Chong dan Low, 2008). Tamu merupakan sebahagian daripada kehidupan masyarakat di Sabah yang telah wujud sejak 100 tahun yang lalu (Chong dan Low, 2008). Pada zaman itu, tamu dilihat sebagai tempat pertemuan bagi mendapatkan hasil pertanian, tempat pertukaran barang, menjual produk pertanian dan juga tempat untuk berjumpa dengan kawan lama.

Namun kini, tamu dijadikan sebagai satu medium bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), 2010). Pembangunan luar bandar dilakukan oleh pihak kerajaan bagi tujuan membanteras kemiskinan, merangsang dan menjana pembangunan ekonomi luar bandar, melahirkan penduduk luar bandar yang berdaya maju dan menggalakkan usahawan kecil luar bandar menceburi bidang perniagaan (KKLW, 2010).

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti peranan tamu luar bandar kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar khususnya kepada peniaga tamu Batu 10, Kota Belud, Sabah. Tamu luar bandar sudah sebatian dengan masyarakat luar bandar di Sabah dan mempunyai peranan kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar. *New Sabah Times* (2008) menyatakan bahawa:

"Sabah would not be Sabah without the tamu, and visitors to the 'Land Below the Wind' should not miss out on a visit a tamu".

Perkataan ini membawa maksud tamu merupakan suatu simbolik bagi negeri Sabah yang wajib dikunjungi oleh pelancong. Sehubungan dengan itu, tamu luar bandar di Sabah dilihat mempunyai potensi dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat setempat atau luar bandar. Oleh itu, peranan tamu luar bandar perlu dikenalpasti bagi memastikan tamu kekal relevan dari segi kepentingan kepada sosioekonomi masyarakat luar bandar.

1.2 Permasalahan Kajian

Kegiatan tamu luar bandar telah wujud sejak dahulu lagi dan dipraktikkan oleh penduduk di kawasan luar bandar. Tamu luar bandar pada ketika dahulu sangat penting kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar (Chong dan Low, 2008). Penglibatan peniaga di tamu luar bandar dilihat sebagai suatu yang positif terhadap pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar di Sabah (Rimber, 1999). Malah, kegiatan keusahawanan dalam aktiviti pasaran tempatan mengeluarkan peniaga daripada belunggu kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat di luar bandar (Abd Hair Awang *et. al.*, 2013). Utusan Borneo (2013) menyatakan bahawa kegiatan tamu di luar bandar telah membuka peluang dalam membangunkan sosioekonomi dan meningkatkan taraf hidup masyarakat tempatan luar bandar di Sabah.

Justeru itu, tamu yang melibatkan jual beli antara peniaga dan pengguna mendapat perhatian dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (KKLW, 2010). Pelbagai dasar dan program yang diperkenalkan oleh kementerian ini bagi menggalakkan penglibatan peniaga di luar bandar mahupun di kawasan pekan atau bandar (KKLW, 2010). Dengan kerjasama KKLW dan FAMA penubuhan tamu bertujuan untuk menghasilkan petani yang lebih responsif serta mempercepatkan proses pembangunan sosioekonomi khususnya kepada petani selaras dengan DPN yang mana memastikan pembangunan ekonomi yang seimbang antara masyarakat luar bandar dengan bandar.

Antara program keusahawanan yang dijalankan oleh pihak kerajaan adalah tamu, pasar tani, pasar tani mega, karavan tani, pasar tani kekal dan pasar tani desaraya (FAMA, 2016). Malah, FAMA dengan kerjasama pihak kerajaan turut mewujudkan kegiatan ini untuk kepentingan penduduk luar bandar bagi meluaskan pasaran pertanian, memperkuatkan kuasa tawar menawar, mengurangkan pergantungan pengeluaran kepada orang tengah, meningkatkan pendapatan petani, medan bagi memperkenalkan barangan keluaran tani, menggalakkan dan menyediakan tempat bagi memasarkan hasil keluaran khususnya kepada kaum bumiputera dan menggalakkan kaum tani khususnya kaum bumiputera dalam bidang perniagaan (FAMA, 2016).

Bagaimanapun, sejajar dengan perkembangan semasa, terdapatnya pembangunan yang boleh mengancam aktiviti tamu di kawasan luar bandar seperti pembinaan bangunan atau pasaraya besar dan menyebabkan tamu tradisional semakin dilupakan. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Maritfa dan Mohammad Mukti (2013) yang menyatakan bahawa pasar tradisional semakin terancam dan menjangkakan bahawa 5 tahun atau 10 tahun ke hadapan pastinya tamu tradisional ini akan terjejas sejajar dengan urbanisasi di kawasan pinggir bandar. Hal ini menyebabkan fungsi-fungsi tamu kepada sosioekonomi masyarakat di kawasan luar bandar khususnya terjejas. Justeru itu, kajian ini dilakukan bagi menyingkap dan mengenali fungsi-fungsi tamu terhadap sosioekonomi masyarakat di kawasan luar bandar dengan menjadikan tamu Batu 10 sebagai kajian kes untuk menilai peranan tamu dalam pembangunan sosioekonomi. Kajian ini juga akan mengetengahkan cadangan langkah yang strategik untuk memantapkan peranan tamu kepada pembangunan masyarakat di luar bandar.

Bukan itu sahaja, tamu juga berfungsi sebagai tempat yang dijadikan sebagai tempat pertemuan bagi menjalankan perniagaan tani, mendapatkan keperluan harian dan tempat untuk berjumpa dengan kawan lama sejak dahulu kala (Chong dan Low, 2008). Namun selaras dengan pembangunan semasa yang berlaku di tamu luar bandar Sabah, dapat dilihat bahawa tamu juga telah beradaptasi dengan aktiviti ekonomi masyarakat Sabah di mana fungsi tamu bukan lagi hanya sebagai tempat pertemuan penduduk untuk mendapatkan barangan. Sebaliknya, tamu dilihat sebagai aktiviti yang mempunyai kepentingan dan peranan yang sangat penting kepada masyarakat Sabah. Namun kepentingan dan peranan tamu kepada masyarakat di Sabah masih kurang jelas dan menjadi tanda tanya kerana kurangnya kajian yang melingkupi kepentingan dan peranan tamu di Sabah terhadap masyarakat secara khusus. Justeru itu, kajian ini perlu dilakukan bagi mengenalpasti kepentingan dan peranan sebenar tamu luar bandar kepada peniaga dan masyarakat luar bandar Sabah khususnya di lokasi kajian iaitu tamu Batu 10, Kota Belud, Sabah.

Selain itu, kajian berkaitan dengan peniaga dan perniagaan pasar malam, pasar tani dan pasar-pasar seumpamanya ini di Malaysia telah lama dijalankan. Namun begitu, kajian berkaitan dengan tamu di Sabah masih kurang dijalankan.

Dalam disiplin ilmu sejarah, kajian berkaitan sejarah tamu di Sabah telah ditulis oleh Chong dan Low pada tahun 2008. Bagi aspek disiplin ilmu pelancongan pula, Larence (2005) telah menulis kajian berkaitan dengan tamu sebagai pemacu pelancongan di Tamu Satok, Sarawak. Jurry Foo *et. al.*, (2014) juga telah melakukan kajian berkaitan kelangsungan pasaran ubat tradisional di beberapa tamu di Sabah. Selain itu, kajian berkaitan dengan seni dan budaya turut pernah dikaji oleh Ismail Ibrahim (2013) dan Rimmber (1991). Sungguhpun begitu, kajian berkaitan dengan peranan dan kepentingan tamu di Sabah masih kurang dijalankan. Kurangnya kajian yang berkaitan dengan kajian tamu menarik penyelidik untuk membuat kajian berkaitan dengan peranan dan kepentingan tamu di kawasan luar bandar di Sabah.

Oleh itu, kajian ini diharap dapat memenuhi lompang kajian berkaitan dengan peranan tamu luar bandar dan cadangan untuk memantapkan peranan tamu di Sabah khususnya kepada masyarakat luar bandar. Malah, pada masa kini juga, kajian berkaitan dengan tamu dan pembangunan sosioekonomi sangat penting dalam usaha untuk memperkenalkan dan mengekalkan kewujudan tamu di luar bandar Sabah. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peranan tamu yang berlaku selaras dengan perkembangan semasa pada masa kini dan seterusnya menyumbang kepada pengisian lompang kajian dalam disiplin kajian tamu khususnya dalam bidang geografi manusia dan geografi ekonomi.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian yang dijelaskan, beberapa persoalan kajian dikenal pasti seperti berikut:

- i. Apakah aktiviti yang dijalankan di tamu di Batu 10, Kota Belud, Sabah?
- ii. Apakah peranan tamu kepada pembangunan sosioekonomi penduduk luar bandar di Sabah?
- iii. Apakah langkah yang sesuai untuk mengukuhkan peranan tamu sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar.